

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD NIZAR BIN ZAKARIA  
[PARIT]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [ PARIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) status terkini pemulihan ekonomi negara sejak dilanda pandemik COVID-19; dan
- (b) sejauh manakah keberkesanan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) membantu kearah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Penularan pandemik COVID-19 bukan hanya memberi kesan kepada ekonomi negara, malahan kepada seluruh ekonomi dunia. Semua sektor utama ekonomi telah terjejas akibat penularan wabak ini. Ekonomi Malaysia mencatatkan penyusutan sebanyak 8.3 peratus pada separuh pertama 2020 berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi negara pada separuh kedua 2020 ini dijangka lebih baik dan meningkat secara beransur-ansur berikutan pembukaan semula ekonomi secara berperingkat dan pelaksanaan beberapa pelan rangsangan ekonomi bagi menyokong rakyat dan perniagaan.

2. Sehubungan itu, beberapa petunjuk ekonomi negara memperlihatkan peningkatan melalui indikator bulan Ogos dan September. Alhamdulillah, prestasi ekonomi pada suku ketiga 2020 lebih baik berbanding suku kedua 2020. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) suku tahun ketiga 2020 mencatat penyusutan lebih kecil sebanyak 2.7 peratus berbanding -17.1 peratus pada suku tahun kedua 2020. Dari sudut suku-ke-suku yang disesuaikan mengikut musim (seasonally-adjusted basis), ekonomi Malaysia telah pulih semula sebanyak 18.2 peratus (S2 2020: -16.5 peratus). Ini adalah selari dengan sektor ekonomi yang kembali beroperasi secara berperingkat sejak Mei lalu.
3. Kadar pengangguran juga telah berkurangan kepada 4.6 peratus pada September dari paras tertinggi 5.3 peratus pada Mei 2020. Antara indikator lain pemulihan ekonomi termasuk:
- a) Eksport negara berkembang kukuh kepada 13.6 peratus pada September 2020 berbanding -2.9 peratus pada Ogos 2020. Pada masa yang sama, import terus menunjukkan tanda pemulihan dengan penurunan yang lebih kecil iaitu 3.6 peratus disumbangkan oleh prestasi yang lebih baik bagi barang modal dan penggunaan;
  - b) Indeks Pengurus Pembelian (PMI) untuk sektor pembuatan menunjukkan peningkatan sebanyak 49 mata pada September 2020 berbanding nilai terendah pada tahun ini iaitu 31.3 mata pada April 2020;
  - c) Pergerakan penumpang domestik meningkat 19.8 peratus pada September 2020 berbanding Ogos 2020 (10.8 peratus);
  - d) Nilai jualan perdagangan borong dan runcit kembali pulih dan merekodkan pertumbuhan positif 0.2 peratus (tahun-ke-tahun) berbanding Ogos 2020 (-2.3 peratus) didorong oleh peningkatan jualan kenderaan bermotor;
  - e) Indeks Pengeluaran Perindustrian (dengan izin, *Industrial Production Index*) terus merekodkan pertumbuhan positif

sebanyak 1 peratus (tahun-ke-tahun) pada September 2020 berbanding Mei 2020 (-21.6 peratus);

- f) Perbelanjaan kad kredit meningkat kepada RM11.3 bilion pada September berbanding RM8.7 bilion pada Mei 2020; dan
- g) Indeks Pelopor (IP) mencatatkan 108.5 mata pada Ogos 2020 berbanding 100.8 mata pada Ogos 2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.6 peratus.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara terjamin, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS Tambahan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA PRIHATIN) yang bernilai RM305 bilion melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat dan perniagaan sekaligus ke arah pemulihan ekonomi. Antara inisiatif yang diambil termasuklah:

Pemberian tunai one-off Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan tambahan RM100 one-off Bantuan Sara Hidup (BSH) serta bantuan tunai one-off kepada golongan mudah terjejas meliputi Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal serta sukarelawan Khidmat Bantu di Rumah. Selain itu, bantuan tunai one-off turut disalurkan kepada golongan pemandu teksi, pemandu pelancong dan pemandu bas pelancong. Sehingga 16 Oktober 2020, keseluruhan bantuan ini telah diterima oleh seramai 15.12 juta penerima manfaat yang layak dan melibatkan nilai penyaluran sebanyak RM11.67 bilion;

- a) Pemberian diskain bil elektrik yang berjumlah RM1.85 bilion untuk mengurangkan tekanan beban kewangan isi rumah;
- b) Pemberian moratorium ke atas pinjaman bagi tempoh April sehingga September 2020;

- c) Pemberian Geran Khas Prihatin (GKP) bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 dengan setiap PKS mikro yang berkelayakan akan diberi bantuan kewangan tunai secara one-off sebanyak RM3,000. Setakat 16 Oktober 2020 jumlah penyaluran GKP adalah berjumlah RM1.63 bilion yang memberi manfaat kepada 544,688 PKS mikro;
- d) Program Subsidi Upah bertujuan membantu meringankan beban kewangan majikan dan membantu mengekalkan pekerjaan. Sehingga 16 Oktober 2020, sebanyak RM11.901 bilion subsidi upah telah disalurkan yang memanfaatkan lebih 322,182 majikan serta lebih 2.6 juta pekerja;
- e) Pelancaran Skim Pembiayaan Mikrokredit PRIHATIN di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro TEKUN Nasional (CBRM) yang bertujuan menyediakan pembiayaan mudah kepada PKS Mikro pada kadar faedah 0 peratus. Penyediaan beberapa dana pembiayaan Soft Loans kepada PKS seperti Special Relief Facility (SRF), All Economic Sector Facility (AES), Agrofood Facility (AF) dan Automation and Digitalisation Facility (ADF) melalui Bank Negara Malaysia (BNM). PENJANA SME Financing (PSF) bagi membantu memulihkan PKS yang terjejas untuk memulakan semula perniagaan. Setakat 16 Oktober 2020, sebanyak 928,889 perniagaan telah mendapat manfaat daripada skim-skim ini yang melibatkan penyaluran sebanyak RM25.15 bilion;
- f) Penyediaan peruntukan sebanyak memperuntukkan RM4 bilion bagi melaksanakan projek Kerajaan berskala kecil bertujuan memanfaatkan kontraktor kecil (G1 dan G2) seterusnya memacu tindakan ke arah pemulihan ekonomi negara;

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. Selain inisiatif yang dinyatakan di atas, Unit LAKSANA di bawah Kementerian Kewangan telah melaksanakan Kaji Selidik PRIHATIN bermula 19 Ogos sehingga 22 September 2020 bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi. Kaji Selidik ini juga bertujuan bagi mendapatkan maklum balas dan respon individu serta perniagaan mengenai impak program di bawah PRIHATIN kepada mereka. Secara ringkasnya, dapatan daripada Kaji Selidik PRIHATIN bagi individu mendapati skor tahap kepuasan pelaksanaan PRIHATIN melebihi 80 peratus manakala bagi kaji selidik perniagaan, tahap kepuasan adalah 71.3 peratus bagi PKS Mikro, 69.7 peratus bagi PKS dan 70.5 peratus bagi syarikat besar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

6. Belanjawan 2021 juga akan menjadi kesinambungan kepada pakej-pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan sebelum ini bagi memastikan ekonomi negara pulih sepenuhnya dari krisis ini. Mengambil kira kesemua senario global dan domestik serta inisiatif yang telah dan sedang dijalankan, pertumbuhan ekonomi negara diunjur menguncup 4.5 peratus pada 2020 dan kembali meningkat antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada 2021 disokong oleh permintaan domestik dan jangkaan pemulihan di peringkat global.

Sekian, terima kasih.